

12/06/1997

## Sikap Jepun bingungkan Australia

SYDNEY, Rabu - Australia hari ini kebingungan selepas akhbar melaporkan Jepun mungkin tidak menyokong usaha Canberra untuk aktif dalam hal ehwal Asia kerana gagal mengawal isu perkauman yang dicetuskan ahli politik bebas, Pauline Hanson.

Laporan itu disiarkan dua akhbar paling berpengaruh di Australia, memetik penasihat kanan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, sebagai berkata Jepun agak hairan mengapa Canberra membiarkan isu itu berlarutan.

Pegawai itu memberi amaran bahawa Canberra tidak boleh mengangap sokongan Jepun dijamin untuknya menyertai forum rantau Asia seperti proses Mesyuarat Asia-Eropah (Asem), lapor akhbar Sydney Morning Herald.

Perbincangan itu yang berpunca daripada Hanson memberi kesan buruk kepada kedudukan Australia di Asia, kata pegawai berkenaan kepada the Herald, sambil mengulas 'ia menjejaskan perdagangan kamu'.

"Kami hairan mengapa ia tidak diselesaikan. Nampaknya perbincangan intelektual mengenainya juga begitu sedikit," katanya.

Pegawai itu dikatakan penulis bersama ucapan Hashimoto di Canberra baru-baru ini di mana Perdana Menteri Jepun itu memuji Australia.

Bagaimanapun, pegawai di Canberra berkata mereka percaya pandangan pegawai Jepun itu menyimpang dibandingkan rakan-rakannya yang lain dan mengangap kritikan itu bercanggah dengan apa yang disuarakan kerajaan berhubung Australia.'

Selain itu, pandangannya turut dianggap silap kerana menyifatkan Canberra memberi maklum balas lemah terhadap Hanson, meskipun Perdana Menteri, John Howard dikritik kerana tidak tegas menjawab kenyataan ahli politik bebas itu.

Retorik Howard sejak beberapa bulan lalu digambarkan sebagai kian tegas.

Sumber kerajaan juga merujuk kepada pandangan pemimpin kanan Asia termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas yang menekankan keyakinan mereka bahawa Canberra menangani secara berkesan fenomena Hanson yang tidak dianggap pendirian kerajaan Australia.

Alatas baru-baru ini dipetik sebagai berkata, beliau tidak percaya pentadbiran Howard memberi jawapan lemah kepada Hanson yang diberi publisiti kerana bersikap antiimigran Asia.

"Jepun masih menyokong kuat Australia dan kami berpendapat pegawai yang dipetik akhbar itu sebagai pandangan tunggal," kata sumber Canberra. - AFP

(END)